

Newspaper	Berita Harian
Date	31 July 2015

# Najib, Cameron bincang tingkat hubungan dua hala

BH- 31/7/2015

» *Lawatan PM Britain bukti kerjasama rapat Malaysia, United Kingdom*

Putrajaya

**P**erdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak mengadakan perbincangan dengan rakan sejawatannya dari Britain, David Cameron di sini, semalam, sempena lawatan kerja sehari beliau ke Malaysia.

Najib yang menyambut Cameron di Dataran Perdana pada jam 4.45 petang, bersalaman dengan rakan sejawatannya dan membawa beliau melakukan lawatan ringkas di sekitar pejabatnya.

Kedua-dua pemimpin kemudian beredat ke pejabat Najib dan Cameron menandatangani buku pelawat selepas kedua-dua mereka mengadakan pertemuan empat mata selama 30 minit.

Kedua-dua Perdana Menteri

kemudian mengadakan mesyuarat bersama delegasi kedua-dua negara selama 30 minit.

Delegasi Malaysia terdiri daripada Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi; Menteri Luar, Datuk Seri Anifah Aman; Menteri Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Hussein; Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Wahid Omar dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr Ali Hamsa.

United Kingdom pula diwakili Setiausaha Negara bagi Perniagaan, Inovasi dan Kemahiran, Sajid Javid; Menteri Negara bagi Perdagangan dan Pelaburan, Lord Francis Maude; Menteri Negara bagi Perolehan Pertahanan, Philip Dunne; Utusan Khas ASEAN Richard Graham dan Pesuruhjaya Tinggi Britain ke Malaysia, Victoria Marguerite Treadell.

## Lawatan sehari

Perdana Menteri Britain itu dalam rangka lawatan kerja sehari ke Malaysia sebagai sebahagian daripada lawatan-

“**Kedua-dua pemimpin membincangkan hubungan dua hala termasuk bidang perdagangan dan pelaburan, pendidikan, pertahanan serta kerjasama dalam rangka kerja Komanwel dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu**”

**Kenyataan Kementerian Luar**

nya ke empat negara Asia Tenggara iaitu Indonesia, Singapura, Vietnam dan Malaysia bagi menggalakkan perdagangan dan pelaburan.

## Hubungan rapat

Kementerian Luar dalam kenyataan semalam berkata, lawatan Cameron memperlihatkan hubungan rapat dan mesra antara Malaysia dan United Kingdom.

Menurut kenyataan itu, kedua-dua pemimpin membincangkan hubungan dua hala termasuk bidang perdagangan dan pelaburan, pendidikan, pertahanan serta kerjasama dalam rangka kerja Komanwel dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Cameron ialah Perdana Menteri Britain pertama yang melawat Malaysia dalam dua penggal berturut-turut. Lawatan pertamanya pada April 2012.

Menurut laman sesawang [www.gov.uk](http://www.gov.uk), Perdana Menteri Britain itu diiringi 31 wakil perniagaan dari setiap daerah di negara itu dalam lawatannya ke Asia Tenggara kali ini.

**BERNAMA**